

 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN LANDSKAP NEGARA (JLN)			 JABATAN LANDSKAP NEGARA
	BORANG USUL MBJ-JLN	MESYUARAT	/	

A) PERKARA YANG BOLEH DIBINCANGKAN

- Contoh perkara-perkara yang **boleh dan pernah dibincangkan** dalam mesyuarat MBJ adalah seperti berikut:

1.1 **Kewangan dan Kemudahan**

- kelewatan bayaran balik tuntutan perjalanan;
- peruntukan latihan yang tidak mencukupi;
- kelewatan pembekalan pakaian seragam; dan
- urusan kelewatan meluluskan cuti.

1.2 **Pentadbiran**

- kemudahan/keselesaan ruang pejabat;
- isu penggiliran waktu bekerja syif;
- isu parkir kenderaan;
- isu penyelenggaraan bangunan dan peralatan pejabat; dan
- kerosakan mesin/sistem perakam waktu.

1.3 **Sumber Manusia**

- penyusunan semula organisasi;
- kekosongan jawatan;
- isu penyediaan latihan kepada warga baharu;
- pusingan kerja dalaman di kalangan warga jabatan;
- kursus dan latihan dalam perkhidmatan; dan
- disiplin dan tindakan tatatertib.

1.4 **Kebajikan**

- aktiviti sosial;
- program sukan;
- pewujudan tabung kebajikan di peringkat jabatan; dan
- lantikan penyedia perkhidmatan taska di jabatan.

1.5 **Inovasi dan Produktiviti**

- penambahbaikan proses kerja;
- pengurangan pembaziran dalam pengurusan pejabat; dan
- pembudayaan teknologi digital dalam urusan kerja.

1.6 **Lain-lain**

- cadangan pelaksanaan mesyuarat MBJ di luar kawasan pejabat;
- pelancaran kempen peringkat jabatan seperti Kempen Gaya Hidup Sihat; dan
- masalah lalu lintas.

 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN LANDSKAP NEGARA (JLN)			 JABATAN LANDSKAP NEGARA
	BORANG USUL MBJ-JLN	MESYUARAT	/	

B) PERKARA YANG TIDAK BOLEH DIBINCANGKAN

1. Perkara Dasar dan Hal Perseorangan

- i) Segala bentuk perbincangan yang bertujuan untuk mengubah sesuatu keputusan dan dasar Kerajaan yang telah ditetapkan dalam Perintah Am, Warta Kerajaan, pekeliling, surat pekeliling atau lain-lain bentuk keputusan dasar adalah tidak dibenarkan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat MBJ. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh memberi penjelasan mengenai perkara dasar untuk melicinkan pelaksanaannya di peringkat jabatan.
- ii) Mesyuarat MBJ hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara yang melibatkan masalah bersama (*common interest*). Masalah perseorangan atau peribadi tidak perlu dibawa ke dalam mesyuarat MBJ dan hendaklah diselesaikan secara pentadbiran sahaja.

2. Contoh perkara-perkara yang **tidak boleh dibincangkan** dalam mesyuarat MBJ adalah seperti berikut:

2.1. Perubahan pada Dasar Kerajaan

- i) cadangan penambahan jenis penyakit berjangkit dalam kemudahan Cuti Kuarantin;
- ii) cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan;
- iii) cadangan pewujudan elaun atau kemudahan baharu dalam Perkhidmatan Awam;
- iv) cadangan meningkatkan bilangan jumlah pakaian seragam yang dibekalkan kepada pegawai yang layak; dan
- v) cadangan memendekkan tempoh berada di gred lantikan bagi urusan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan.

2.2. Hal-hal Perseorangan

- i) isu kelewatan bayaran lebih masa kepada seseorang;
- ii) kerosakan komputer pejabat yang dihadapi oleh seseorang; dan
- iii) isu kekurangan alat tulis pejabat yang dibekalkan kepada seseorang.

 KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN LANDSKAP NEGARA (JLN)			 JABATAN LANDSKAP NEGARA
	BORANG USUL MBJ-JLN	MESYUARAT	/	

KATEGORI USUL	
☐ Kewangan dan Kemudahan	☐ Kebajikan
☐ Pentadbiran	☐ Inovasi dan Produktiviti
☐ Sumber Manusia	☐ Lain-lain
USUL	
PENGESAHAN USUL	
☐ Diterima ☐ Ditolak	 (NAIB Pengerusi MBJ-JLN)

Nota: Satu borang hanya bagi satu usul sahaja.

Tandatangan :
 Nama Pengusul :
 Bahagian :
 Jawatan dan Gred :

* Sila kemukakan usul ini kepada Naib Pengerusi MBJ atau Setiausaha Pekerja.

**Cetak helaian muka surat yang mengandungi Borang Usul sahaja.